



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 JULAI 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 JULAI 2022 (SELASA)

Dalang punca ketirisan minyak masak

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Sejak beberapa bulan lalu, rakyat Malaysia menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan minyak masak paket bersubsidi satu kilogram, namun

tinjauan *BH* di wilayah selatan Thailand khususnya Golok, Yala dan Narathiwat mendapati bekalanya mudah diperoleh di negara jiran itu.

Ketirisan bekalan minyak masak subsidi ke Thailand dipercayai melalui kegiatan penyaludupan selain pembabitan pemborong dari

negara ini.

Berikutan pendedahan itu, Pakuan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi amaran akan merombak semula keseluruhan rantaian sistem bekalan minyak subsidi untuk mengelak ketirisan itu.

Nasional 2

Ada bukti cukup berlaku ketirisan bekalan

Dari Muka 1

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula bercadang menggantung serta-merta pengeluaran bagi jenama minyak paket subsidi negara ini yang dijual secara berleluasa dan terbuka di Thailand.

Semalam, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi diketuai Tan Sri Annuar Musa mendedahkan mempunyai bukti kukuh ketirisan bekalan minyak masak subsidi ke negara jiran itu didalang pihak tertentu.

Berikut itu, Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia memberi amaran kerajaan tidak akan teragak-agak untuk merombak keseluruhan sistem bekalan minyak subsidi sedia ada sekiranya ketirisan masih berlaku.

"Kita ada bukti cukup berlaku ketirisan minyak masak subsidi yang cukup besar sehingga kan bekalan minyak kita tidak putus di pekan Sungai Golok, Thailand yang dijual pada harga RM7 (harga subsidi satu paket di negara ini hanya RM2.50).

"Malah, didapati mereka boleh menjualnya dengan banyak dan ini bererti perbuatan ini bukan dilakukan penyeludup kecil, sebaliknya ia secara terus dari kilang.

"Hasil siasatan mendapati ada pembabitan pihak tertentu yang menyebabkan berlakunya ketirisan. Saya tidak boleh mengumumkan di sini kerana siasatan masih dilakukan dan tidak mahu usaha yang kami lakukan gagal," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Qurban Perdana dan Majlis Akikah di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) di sini, semalam.

Annuar memberi amaran sekiranya sistem sedia ada dirombak, ia akan menjelaskan peluang kerjaan sesetengah orang, namun dalam isu ini pihaknya tidak boleh mengutamakan beberapa peniaga, sebaliknya memberi keutamaan kepada rakyat.

"Minggu hadapan, saya akan mengadakan pertemuan dengan 22 pengilang besar yang mengeluarkan minyak secara pukal sebelum diantar kepada kilang pembungkusan semula.

"Saya sendiri mahu berjumpa mereka untuk menyampaikan



Keratan akhbar BH, semalam.

mesej yang tegas. Mereka mesti mematuhi peraturan dan bekerjasama bagi mengekang kebocoran minyak masak. Sekiranya usaha ini juga gagal, saya akan bertindak tegas," katanya.

Semalam, BH melaporkan kegiatan menyeludup minyak masak ke Thailand sudah lama berlaku dipercayai sejak kerajaan memperkenalkan subsidi itu 15 tahun lalu.

Peruncit di negara itu mendakwa, mereka mendapat bekalan dan menjual minyak dari Malaysia sejak berbelas tahun, malah tidak pernah berhadapan masalah kekurangan bekalan.

Isu bekalan minyak masak paket 1 kilogram (kg) bertambah buruk selepas kerajaan mansuhkan subsidi minyak berkapasiti dua hingga 5kg bermula 1 Julai ini.

Kerajaan memperuntukkan RM4 billion tahun ini untuk meneruskan subsidi untuk minyak masak berpaket 1kg, jauh lebih tinggi berbanding RM500 juta pada 2020 dan RM2.2 billion pada 2021.

Gantung serta-merta
Sementara itu, Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid,

memberitahu BH ke-menteriannya akan menggantung serta-merta pengeluaran bagi jenama minyak paket subsidi negara ini yang dijual secara berleluasa dan terbuka di Thailand.

Beliau berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan bagi mengenal pasti pada peringkat mana kebocoran dan penyelewengan berlaku.

"Sekiranya ketirisan berpunca pada peringkat pembungkusan semula paket minyak, kita akan tarik balik lesen syarikat terbabit.

"Kita akan lihat di semua pe-

ringkat iaitu pengeluar, pembungkusan, pemborong atau peruncit untuk lihat di mana kebocoran berlaku," katanya.

Rosol berkata, setakat diketahui terdapat kira-kira 350 jenama minyak subsidi paket 1kg di pasaran Thailand, dan usaha dilakukan bagi mengenal pasti pihak yang terlibat dalam penyeludupan jenama itu.

Katanya, KPDNHEP juga akan melaksanakan audit di setiap peringkat rantauan pengeluaran dan bekalan minyak masak bersubsidi bagi mengekang kegiatan penyelewengan dan penyeludupan.

"Perbezaan ketara (harga) minyak masak bersubsidi dengan minyak masak tanpa subsidi bukan sahaja menyebabkan permintaan dalam negara meningkat, tetapi juga menyebabkan pihak tertentu mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berganda dengan melakukan penyelewengan dan penyeludupan," katanya.



Rosol Wahid

Jejak semula jenama minyak masak bersubsidi diseleweng

KPDNHEP turut guna kaerah risikan, naziran secara berterusan terhadap peruncit, pembekal

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Roji Kawi, Irwan Shafizan Ismail dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan kaerah 'backtrack' atau menjak semula jenama minyak masak paket satu kilogram (kg) yang diseleweng ke negara jiran antara langkah penguatkuasaan sedang dilaksana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi membendung masalah penyeludupan dan penyelewengan minyak masak bersubsidi negara.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata risikan juga dibuat bagi menyokong kaerah 'backtrack' ini di

negara terbabit.

Beliau berkata, selain itu naziran turut dijalankan ke atas dokumen pengedaran minyak masak paket satu kilogram di semua peringkat.

"Bagi tempoh 1 hingga 8 Julai lalu, sebanyak lebih 300 repackers (pembungkusan semula) sedia ada sudah dibuat naziran secara berterusan, begitu juga ke atas semua pemborong dan peruncit utama," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan BH mendekakkan kegiatan menyeludup minyak masak subsidi Malaysia ke Thailand sudah lama berlaku, dipercayai sejak kerajaan memperkenalkan subsidi itu 15 tahun lalu.

Peruncit di negara ini mendakwa mereka mendapat bekalan dan menjual minyak paket 1kg dari Malaysia sejak berbelas tahun lalu, malah tidak pernah berdepan masalah kekurangan bekalan.

Mereka mendakwa boleh mendapatkan bekalan minyak masak subsidi itu daripada pemborong di Malaysia atau orang tengah pada bila-bila masa.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pemeriksaan fizikal juga di-

jalankan ke atas semua rantaian memperbaiki pemborong minyak masak bersubsidi di stor penyimpanan yang dilesenkan.

"Pemeriksaan menyeluruh juga dibuat memperbaiki rekod dokumen dan stok penerimaan oleh peruncit utama daripada repackers atau pemborong.

"Pemeriksaan berkala juga dilaksana pada peringkat peruncit utama (terutama pasar raya dan pasar mini) bagi memantau trend pembelian pengguna serta kawalan dalaman oleh peruncit," katanya.

Selain itu, katanya, pihaknya juga berusaha mendapatkan kerjasama agensi penguatkuasaan lain terutama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), bagi melaksana Ops Bersepadu di lokasi utama terutama sempadan negara.

Pemeriksaan ketat

Sementara itu, di Kota Bharu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar, berkata siasatan terhadap pemborong didakwa menjadi antara dalang utama penyeludupan minyak masak bersubsidi ke ne-

gara jiran akan dilakukan bagi mengekang ketirisan barang kawalan itu.

Beliau berkata, pemeriksaan ketat di syarikat pembungkusan minyak masak dijalankan bagi memastikan rantaian minyak masak paket itu diedar seperti dijadualkan, selain sampai kepada peruncit.

"Bekalan minyak masak ini dipercayai dibawa masuk ke negara jiran melalui pangkalan haram yang ada di sepanjang Sungai Golok dan dijual pada harga tinggi di sana."

"Jika 'orang tengah' dimaksudkan adalah pemborong berlesen, kita akan ambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Di Kuching, Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri, berkata pihaknya hanya menunggu permohonan rasmi daripada KPDNHEP untuk membantu 'menggempur' aktiviti penyelewengan barang bersubsidi khususnya minyak masak.

Beliau berkata, arahan sudah dikeluarkan di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) dan semua 28 ketua polis daerah supaya bersedia melaksanakan tanggungjawab itu termasuk

◆ Pemeriksaan menyeluruh juga dibuat membabitkan rekod dokumen dan stok penerimaan oleh peruncit utama daripada repackers atau pemborong **◆**



Azman Adam,
Pengarah
Penguat Kuasa
KPDNHEP

mengerakkan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) memastikan Kawalan sempadan lebih ketat.

"Kita maklum arahan Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) berhubung langkah tegas menangani penyelewengan barang bersubsidi itu, tetapi sekarang belum menerima permohonan daripada KPDNHEP mengenainya," katanya.

Mohd Azman berkata, sebaik permohonan rasmi diterima nanti, pihaknya akan mengerakkan anggota melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara besar-besaran.

Selain PDRM, kawalan sempadan Malaysia-Indonesia di Sarawak yang sepanjang 1,100 kilometer bagi mengekang penyeludupan barang bersubsidi akan turut dilaksanakan ATM.

HARI : SELASA
TARIKH : 12/07/2022
M/SURAT : 5

Polis Kelantan tingkat risikan berkait penyelewengan subsidi

KOTA BHARU: Polis Kelantan akan mempertingkatkan lagi risikan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini dalam usaha mendapatkan lebih banyak maklumat berkait dengan aktiviti penyelewengan

subsidi ke negara jiran.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata pihaknya juga akan mendapatkan kerjasama dari pihak berkuasa Thailand dalam mengekang aktiviti berkenaan.

Menurutnya, Polis Kelantan juga akan membuat semakan ke atas jenama-jenama minyak masak peket yang dijual di negara jiran.

"Hasil risikan berkait dengan aktiviti akan membolehkan pihak kita membantu Kementeri-

an Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam membendung ketirisan tersebut.

"Untuk makluman, polis Kelantan mengambil serius isu berkait penyelewangan minyak ma-

sak bersubsidi ke negara jiran," katanya.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan minyak masak peket Malaysia 'pelaris' di pasaran Golok apabila bahan mentah itu dijual tanpa kawalan dan bebas.

RM37.3 juta barang bersubsidi cuba diseleweng

PETALING JAYA: Sebanyak RM37.3 juta barang kawalan dan bersubsidi yang cuba diseleweng dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara dalam tempoh dua tahun sejak 2020 hingga Mei lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Penguatkuasa, Azman Adam berkata, jumlah itu melibatkan barang bersubsidi seperti minyak masak, tepung gandum, gula, petrol RON 95, diesel dan tong gas petroleum cecair (LPG).

Katanya, pada 2020, pihaknya merampas sebanyak RM26.78 juta barang kawalan dan bersubsidi manakala RM 6.6 juta (2021) dan sebanyak RM 3.94 juta dalam tempoh lima bulan tahun ini.

"Kita melakukan pemeriksaan terhadap 667,256 premis untuk 2020 dan 864,973 premis pada tahun lalu.

"Sejak Januari hingga 31 Mei lalu, KPDNHEP mempergiat


pemantauan dengan memeriksa kita-kira 403,071 premis di kawasan bandar dan pendalaman bagi memastikan bekalan mencukupi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, menurut Azman, pihaknya menumpukan pemeriksaan terhadap 10 jenis barang komoditi terpilih bagi memastikan tidak berlaku gangguan bekalan sempena Hari Raya Aidiladha.

Katanya, ia melibatkan gula, tepung gandum, minyak masak, susu tepung, roti, beras, bawang, sayur, telur ayam dan ayam.

Jelasnya, KPDNHEP pada setiap hari menggerakkan lebih 2,000 anggota penguatkuasa di seluruh negara untuk melakukan pemeriksaan.

"Pemantauan berterusan dilakukan melibatkan pelbagai peringkat pengedaran termasuk pengeluar dan pengilang terpilih di setiap kawasan bagi memastikan keberadaan barang keperluan terpilih ini di pasaran," ujarnya.



MINYAK masak peket bersubsidi antara yang banyak diseleweng dan diseludup ke negara jiran.

HARI : SELASA
TARIKH : 12/07/2022
M/SURAT : 1

**ADA BUKTI KUKUH
SINDIKET SELUDUP
MINYAK MASAK »16**

Siasatan mengesahkan minyak peket Malaysia begitu mudah diperolehi di Thailand





MINYAK masak peket bersubsidi diseludup keluar ke negara jiran kerana harganya yang tinggi mencecah RM8 sekilogram. — GAMBAR HIASAN

Didalangi sindiket besar, bawa terus dari kilang

Ada bukti kukuh minyak diseludup

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU – Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi mempunyai bukti kukuh mengenai pihak yang mendalangi kegiatan penyeludupan minyak masak peket subsidi ke sempadan Thailand.

Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, berdasarkan siasatan, kebanyakan kawasan di sempadan negara tersebut sentiasa menerima bekalan minyak masak bersubsidi dan dijual pada harga RM7 hingga RM8 sepeket.

Menurut beliau, minyak masak tersebut dijual dalam kuantiti yang banyak, malah ia juga masih dibungkus di dalam kotak dengan pembungkusan dari kilang di negara ini.

"Berdasarkan siasatan, kegiatan itu bukannya dijalankan oleh

sindiket penyeludupan kecil. Kesemua bekalan juga dipercayai datang terus dari kilang.

"Kerajaan telah menjalankan siasatan bagi mengenal pasti pihak yang terlibat.

"Buat masa ini, saya tidak boleh dedahkan butiran tersebut kerana dikhawatir akan menjaskan siasatan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Korban Perdana Peringkat Parlimen Ketereh di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan, Padang Kala di sini semalam.

Mengulas lanjut, Annuar memberitahu, kerajaan sedia merombak keseluruhan sistem pengeluaran minyak masak peket bersubsidi bermula daripada pengilang sehingga ke pengedar sekiranya penyelewengan terhadap barang subsidi itu ke negara jiran terus berlaku.

Jelas Ahli Parlimen Ketereh itu, meskipun langkah tersebut dilihat berkemungkinan akan menjasikan peluang perniagaan bagi sesetengah individu, namun kerajaan tetap prihatin dengan nasib rakyat.

"Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4 bilion untuk subsidi minyak masak peket dan akan kerugian sekiranya barang itu terus diseleweng.

"Selain menyiasat aktiviti penyeludupan ke negara jiran, kita turut merancang pelan tindakan untuk mengatasi sementara masalah kekurangan bekalan minyak masak peket dalam tempoh dua bulan ini," katanya.

Tambah Annuar, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan dengan 22 pengilang minyak masak untuk memaklumkan mengenai pendirian tegas kerajaan terhadap perkara itu.

Premis seleweng diesel digempur

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) menumpaskan aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi dalam serbuan di Taman Bayu Tinggi, Klang pada 6 Julai lalu.

Pengarah Penguatkuasa KP-DNHEP, Azman Adam berkata, serbuan ke atas sebuah premis itu dijalankan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya.

"Pemeriksaan lanjut menemui sejumlah diesel, lori, beberapa tangki kosong dan mengandungi diesel, mesin kompresor dan beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan diesel.

"Minyak diesel dan peralatan tersebut yang bernilai RM170,346 disita untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang ter-

libat serta rantai pengedaran diesel termasuk sumber yang diperoleh dan diedar.

"KPDNHEP memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat berkaitan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah AKB 1961 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM1 juta manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi syarikat pula, mereka boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta.

Selain itu, syarikat juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil-Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLAATFP-UAA 2001) (Akta 613).



MINYAK diesel bersubsidi yang dirampas KPDNHEP dalam serbuan di Klang, Selangor baru-baru ini.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : SELASA
TARIKH : 12/07/2022
M/SURAT : 16



• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99
• Daging Lembu Import	RM53.90

• Telur Gred A	RM12.90
• Ikan Kembung	RM8.90
• Minyak Masak	RM6.50

• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.49
• Bawang Putih	RM4.99

• Cili Merah	RM12
• Kubis Tempatan	RM3.20
• Tepung Gandung	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

43 premis disyaki disewakan kepada warga asing

Hulu Selangor: Tindakan pembatalan lesen akan dilaksanakan mengikut Tred Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007 sekiranya benar pemegang lesen menyewakannya kepada warga asing.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Mohd Hasry Nor Mohd berkata, pemantauan terhadap isu ini sudah dilaksanakan secara bersepada bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan juga Jabatan MPHS mulai 2019 lagi.

Menurutnya, daripada pemantauan yang dilaksanakan, sebanyak 43 premis disyaki disewakan kepada warga asing di kawasan Bukit Sentosa.

"Statistik dan pecahan aktiviti perniagaan yang dikenal pasti membabitkan tindakan terhadap 22 kedai runcit, pasar mini dan pasar raya, restoran (3), kedai jahit (2), kedai karpet (3), kedai perabot (2), kedai gunting rambut (3), kedai barang elektrik (1), kedai mencuci kereta (2), hotel (1), kedai

Daripada 43 premis ini, dua premis kedai runcit dibatalkan lesen perniagaannya kerana pemilik premis 'mengalibabakan' lesen dikeluarkan MPHS kepada mereka".

Mohd Hasry

pakaian (2), lain-lain (1) dan sekolah haram Pakistan (1).

"Daripada 43 premis ini, dua premis kedai runcit dibatalkan lesen perniagaannya kerana pemilik premis 'mengalibabakan' lesen dikeluarkan MPHS kepada mereka.

"Di samping itu, dua premis yang menjalankan aktiviti sekolah persendirian dan hotel bajet juga menghentikan perniagaannya sebaik sahaja operasi bersepada dilaksanakan bersama PDRM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi berkaitan ke atas premis itu," katanya kepada Harian Metro.

Mohd Hasry berkata, hasil pemeriksaan terperinci, pe-



DUA premis menjalankan aktiviti sekolah persendirian dan hotel bajet menghentikan perniagaan. - Gambar NSTP/FARIZ ISMADI

milik premis perniagaan atau pemegang lesen membuat akuan bersumpah dan mengemukakan bukti kepada MPHS yang mereka sememangnya mengajukan ke semua pekerja asing berkenaan.

"Jabatan Imigresen juga dari semasa ke semasa membuat semakan dan pemantauan terhadap premis yang dikenal pasti ini.

"Sementara itu, pemeriksaan lesen perniagaan juga selesai dilaksanakan di kawasan Bandar Bukit Sentosa pada bulan Jun lalu," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 447 premis perniagaan dan

perindustrian diperiksa dan daripada jumlah itu, 357 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

"Jika benar pemegang lesen menyewakan lesen kepada warga asing, tindakan pembatalan lesen akan dilaksanakan mengikut Tred Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007.

"Seandainya pemilik premis masih meneruskan perniagaan di lokasi berkenaan, tindakan sitaan akan dilaksanakan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3 dan 38(1), UUK Tred Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007," katanya.

SELUDUP MINYAK MASAK BERSUBSIDI KE NEGARA JIRAN

Siasat pemborong

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Siasatan terhadap pemborong yang didakwa menjadi antara dalang utama penyeludupan minyak masak bersubsidi ke negara jiran akan dilakukan bagi mengekang ketirisan barangang kawalan itu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDNHEP Negeri Kelantan Aswadi Jaafar berkata, pemeriksaan ketat di syarikat pembungkus minyak masak dijalankan untuk memastikan rantaian minyak masak paket itu ditarik sebagai mana dijadualkan selain sampai kepada peruncit.

Menurutnya, KPDNHEP tegas dalam memastikan tiada individu mengambil kesempatan terutama dalam kalangan pemegang lesen yang diiktiraf supaya rantaian pengedaran minyak masak dijalankan dengan telus, sekali gus mengelak berlaku 'kehilangan' minyak masak bersubsidi di pasaran.

"Melihat kepada situasi semasa berkaitan penjualan minyak masak bersubsidi yang berleluasa di negara jiran, pihak kami dalam usaha memperhebatkan lagi kerjasama bersepaktu dengan agensi penguatkuasa-



Di Kuala Lumpur minyak masak bersubsidi dihadkan hanya dua peket sahaja untuk setiap pelanggan. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

an lain di sempadan negara.

"Bekalan minyak masak ini dipercayai dibawa masuk ke negara jiran melalui pangkalan haram yang ada di sepanjang Sungai Golok selain dijual pada harga yang tinggi di sana.

"Jika 'orang tengah' yang dimaksudkan daripada pemborong berlesen, pihak kami tidak akan berkompromi serta tindakan tegas

akan dikenakan kepada mereka yang melanggar undang-undang mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya, semalam.

Aswadi berkata, pemborong dan peniaga yang diberikan lesen untuk menjual minyak masak bersubsidi sepatutnya mematuhi peraturan yang ditetapkan agar tidak berlaku isu ketirisan sebegini.

Sebelum ini dilaporkan

kegiatan menyeludup minyak masak ke Thailand sudah lama berlaku dipercayai sejak kerajaan memperkenalkan subsidi itu 15 tahun lalu.

Peruncit di negara itu mendakwa mereka mendapat bekalan dan menjual minyak paket satu kilogram (kg) dari Malaysia sejak berbelas tahun, malah tidak pernah berhadapan masalah kekurangan bekalan.

HARI : SELASA
TARIKH : 12/07/2022
M/SURAT : 20

Sorok diesel bersubsidi

Kuala Lumpur: Kegiatan haram sebuah premis di Taman Bayu Tinggi di Klang, Selangor, yang menjalankan aktiviti menyorokkan minyak diesel bersubsidi terbongkar selepas lokasi itu diserbu pihak berkuasa Rabu lalu.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam berkata, serbuan itu dilakukan

pihaknya susulan risikan dilakukan anggota Sesyen Risikan KPDNHEP Putrajaya.

"Ketika serbuan, kami mendapati tiada pekerja di temui di dalam premis itu. Pemeriksaan lanjut dilakukan menemui sejumlah minyak diesel, lori, beberapa tangki kosong, tangki berisi diesel dan beberapa peralatan lain digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak berkenaan," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 12/07/2022
M/SURAT : 15

Premis seleweng diesel subsidi diserbu



Pegawai KPDNHEP memeriksa sebuah lori yang digunakan sindiket.



Peralatan untuk menyalurkan diesel ke tangki penyimpanan.

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dengan nilai rampasan RM170,346.

Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, serbuan dijalankan pihaknya ke atas sebuah premis di Taman Bayu Tinggi, Klang, Selangor pada 6 Julai lalu.

"Hasil permeriksaan lanjut menemukan sejumlah diesel, kenderaan lori, beberapa tangki kosong berisi minyak diesel, mesin kompresor dan beberapa peralatan lain digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak diesel," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, siasatan terhadap kes ini akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat.

"Kementerian juga akan mengenal pasti rantai pengedaran minyak diesel tersebut termasuklah dari mana minyak diesel ini diperoleh dan diedarkan," katanya.

Beliau berkata, mana-mana pihak diingatkan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan.

"Jika disabitkan dengan kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM1 juta dan bagi kesalahan berikutnya, RM3 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

Azman mengingatkan kementerian itu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam sindiket dan aktiviti haram ini.

"Tindakan tegas akan diambil termasuklah mendakwa mereka di bawah AKB- 1961 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram," ujarnya.